

PROSIDING

سيمینر

فيليديقن جاوي دان
مانوسكريف ملايو

Seminar Penyelidikan Jawi
& Manuskrip Melayu

Mengenali Jati Diri Bangsa Melalui Tulisan Jawi

19 - 20 Jun 2012 / 29-30 Rejab 1433

Dewan Muktama
Masjid Al-Wathiqu Billah
Tuanku Mizan Zainal Abidin
UiTM Shah Alam, Selangor



مرکز الفکر والوعي الاسلامي
CENTRE FOR ISLAMIC THOUGHT & UNDERSTANDING



PUSAT KAJIAN MANUSKRIP
ALAM MELAYU
(PUSKAM)



ديوان بهاس دان پوساک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PROSIDING

**Seminar Penyelidikan Jawi dan
Manuskrip Melayu 2012**

Disunting Oleh:

Dr. Mohd Asmadi Yakob (Ketua)

Mohd Takiyuddin Haji Ibrahim

**Tuan Haji Azman Haji Ahmad-DBP
(suntingan tulisan jawi)**


Hak Cipta © 2012 oleh Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan prosiding ini dalam bentuk dan cara apa jua sama ada dengan elektronik, fotokopi, mekanikal atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penerbit


© Prosiding Seminar Penyelidikan Jawi dan Manuskrip Melayu

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-3386-02-4



Diterbitkan di Malaysia oleh:



اَوْنِيُوْرُتْسِيْتِي تِيْكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603 55442650

KANDUNGAN

1.	Sistem Tulisan Jawi Di Malaysia Sabariah Sulaiman, Maimun Aqsha Lubis	5
✓(2)	Gaya Penulisan Manuskrip Kitab: Kaedah Memahami Teks Fairuzah Hj. Basri	12
3.	Kajian Kes: Penguasaan Bacaan Dan Tulisan Jawi Serta Peranannya Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Al-Quran Mohd Yusof Bin Mustaffar, Mohd Jailani Bin Paiman, Nurhidayah Binti Hashim, Mohd Firdaus Bin Mohd Helmi	21
4.	Pembelajaran Seni Khat Menggunakan Peralatan Tradisional: Aplikasi Di Pusat Pengajian Seni Khat Mesir Dan Turki Dr Hj Abd Rahman bin Hj Hamzah, S. Salahuddin Suyurno	26
5.	Sistem ejaan dan tulisan Jawi: persepsi sejarah menilai kemungkinan membangun dan memperkukuh kurikulum bahasa Melayu. Ismail b. Abd. Rahman	34
6.	Karya-Karya Jawi Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Mengenai Fiqh: Satu Sorotan Nor Azlina Binti Abd. Wahab, Norafifah Binti Ab Hamid	47
7.	Kebolehpayaan Penguasaan Jawi di Kalangan Pelajar Dalam Subjek CTU282 Hajar bin Opir	53
8.	Kelangsungan Utusan Melayu Mingguan Sebagai Akhbar Jawi Tunggal Di Malaysia : Berkubur Tanpa Nisan? Nurul Himmah Kassin, Mashita Abu Hasan, Radzi Md. Zin	58
9.	Suhbah Al-Shaykh Dalam Tarekat Tasawuf: Tinjauan Terhadap Kitab Risalah Al-Fawaid Karya Shaykh Muhammad Sa'Id Bin Jamal Al-Din Al-Linggi Mohd Muhaizam bin Md Ishak	76
10.	Pemikiran Tentang Konsep Iman Dan Jalan-Jalan Menyampai Kepada Allah Oleh Syeikh Husain Bin Muhammad Nasir Al-Mas'Udi Al-Banjari Dalam Kitab <i>Usul Al-Tauhid</i> Minah Dibok, Masyitah Aqilah Zainudin	85
11.	Pengaruh al-Maturidi Dalam Manuskrip Melayu : Satu Tinjauan Awal Aisyah bt Dollah@ Abdullah, Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff	95
12.	Penulisan Jawi di komputer dan Internet: Isu dan Cabaran Mohd Zamri Murah, Hamdan Abdul Rahman, Khairuddin Omar	106
13.	Penyelidikan manuskrip Melayu berunsurkan keIslaman Zakaria bin Mustaffa,, Abdul Syukur Mohd. Ali	114
14.	Geniusjawi: An Edutainment Game For Jawi Muhammad Ali Reza, Abdurrahman Jalil, Nur Muizz Mohd Salleh, Fadhilnor Rahmad.	122
15.	Reviving Malay Identity Through Experimental Typography Mohamed Razeef Abdul Razak, D'zul Haimi bin Md. Zain, Azahar Harun, Faezal Muniran	126

Sistem Tulisan Jawi Di Malaysia

Sabariah Sulaiman
Maimun Aqsha Lubis

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Tulisan Jawi telah digunakan di alam Melayu dengan kemasukan agama Islam sejak kurun ke 13 Masihi. Bukti arkeologi yang paling penting tentang perkembangan Islam khususnya skrip Jawi dan bahasa Melayu adalah menerusi penemuan batu bersurat Kuala Berang bertarikh 702 Hijrah/1303 Masihi. Penemuan ini membuktikan tulisan Arab yang menerima pengubahsuaian dan dikenali sebagai tulisan Jawi telah lama digunakan di alam Melayu untuk menulis bahasa Melayu. Penggunaan tulisan Jawi sebagai medium penulisan untuk bahasa Melayu di Malaysia telah melalui beberapa fasa perkembangan pesat dan terancang khususnya pada abad ke 20. Terdapat beberapa sistem tulisan Jawi telah digubal agar terbentuk satu sistem ejaan yang mampu memenuhi keperluan dalam tulisan Jawi itu sendiri. Sehubungan itu kertas kerja ini membincangkan tentang tiga sistem ejaan Jawi iaitu Ejaan Jawi P.B.M.P.B (Ejaan Pakatan), Ejaan Za'ba dan Ejaan Dian. Adalah diharapkan kertas kerja ini dapat memberi maklumat berhubung sistem ejaan Jawi yang pernah digunakan sebelum pengenalan Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan pada tahun 1984.

Kata kunci: Ejaan Jawi P.B.M.P.B (Ejaan Pakatan), Ejaan Za'ba dan Ejaan Dian

Pendahuluan

Tulisan Jawi telah lama digunakan di alam Melayu, namun ejaan yang digunakan adalah tidak seragam malahan lebih dipengaruhi oleh bahasa Arab. Panduan ejaan Jawi yang bersistem serta diedarkan kepada orang ramai secara meluas hanya berlaku pada tahun 1937, iaitu apabila Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-buku Diraja Johor (P.B.M.P.B.) menerbitkan buku *Panduan Bagi Hejaan P.B.M.P.B.* Panduan ejaan ini masih bersifat ringkas dan dibaiki dari semasa ke semasa (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1999). Ejaan Pakatan disusun oleh Mejar Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman dan digunakan secara rasmi oleh Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (P.B.M.P.B). Panduan ini turut digunakan di seluruh negeri Johor sama ada oleh orang perseorangan mahupun oleh pihak pentadbir.

Usaha memantapkan ejaan Jawi seterusnya dilakukan oleh Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih dikenali sebagai Za'ba. Ejaan Za'ba mula diperkenalkan dengan terhasilnya buku *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi* pada tahun 1938 dan diterbitkan pada tahun 1949. Ejaan Za'ba dianggap sebagai asas kepada Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (SEJYD) yang mula digunakan pada tahun 1984 hingga kini. Dalam pada itu, muncul ejaan Jawi yang diperkenalkan oleh Majalah Dian-Daijes yang dikenali sebagai Ejaan Dian yang mula dikonsepsikan pada tahun 1970 dalam majalah Dian bilangan 30 (Amat Juhari Moain, 1996). Inisiatif memperkenalkan Ejaan Dian diterangkan dalam bahagian kata pengantar Majalah Dian-Daijes (Bilangan 57, 1973) antara lain ialah:

Memandangkan kepada perkembangan ini, maka kita rasa masanya sudah tiba kita mengambil inisiatif menggunakan ejaan Jawi menurut sistem fonetik dengan sepenuhnya kerana kita yakin bahawa sistem ini adalah sangat praktikal, lebih mudah dipelajari dan lebih mudah dibaca, dan seterusnya harus boleh menimbulkan minat generasi baru untuk mengikutinya dan menguasainya.

(Majalah Dian-Daijes: Bilangan 57, 1973)

Malahan keluaran tersebut turut memuatkan penerangan ringkas berhubung bentuk Ejaan Dian yang turut dikenali sebagai Ejaan Jawi Sistem Fonetik.

Langkah-langkah mengemaskini ejaan Jawi diteruskan dengan kemunculan *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (PEJYD)* pada tahun 1984, yang kemudiannya mendapat perhatian dari pihak Maktab Perguruan Islam. Sehubungan itu beberapa usulan beberapa pemurnian telah